



AGENSI Maritim Malaysia menahan suspek dan merampas barang kawalan bersubsidi disyaki cuba diseludup keluar di kawasan perairan Tanjung Saima di Tawau.

Gagal seludup LPG, minyak masak

Tawau: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menggagalkan cubaan menyeludup keluar barang kawalan bersubsidi menggunakan bot fiber di perairan Tanjung Saima, di sini, Sabtu lalu.

Timbalan Pengarah Operasi Zon Maritim Tawau, Komander Maritim Mohd Yusri Hussin berkata, pasukan anggota APMM menjalankan rondaan memintas dan menahan bot fiber berkenaan pada jam 3.40 petang.

Beliau berkata, ketika ditahan bot berkenaan dipercayai dari perairan Ice Box ke Sungai Haji Kuning, Pulau Sebatik.

"Bot dinaiki juragan bersama pembantu lelaki, kedua-duanya rakyat tempatan berusia 21 dan 24 tahun.

"Hasil pemeriksaan kami me-

nemui tujuh tong gas petroleum cecair (LPG) dan 170 kilogram (kg) minyak masak pekot disyaki cuba diseludup keluar dari negara ini," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Mohd Yusri lagi berkata, juragan gagal mengemukakan dokumen atau permit kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Katanya, rampasan membabitkan bot fiber bersama satu unit enjin dan barangan rampasan berkenaan dianggarkan bernilai RM16,000.

Menurutnya, semua rampasan dibawa ke jeti Zon Maritim Tawau untuk tindakan lanjut dan kes diasiat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.

Juragan gagal
kemuka dokumen
atau permit